

PBT diarah selia projek elak banjir

Melaka Tengah: Pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini, diarah menyelia semua projek pembangunan di kawasan masing-masing dengan lebih serius bagi mengelak kejadian banjir kilat.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata beliau mahu pihak terbabit bertindak lebih tegas, termasuk mengeluarkan saman kepada pengusaha projek pembangunan yang gagal mengikut garis panduan ditetapkan, terutama membabitkan sistem perparitan.

Pemantauan berkala

“Semua pihak berkenaan juga perlu memantau setiap tapak projek ketika proses melakukan kerja pembersihan sampah-sarap, kayu atau besi

terbuang secara berkala dan terurus bagi mengelakkan ia menyekat laluan perparitan,” katanya selepas merasmikan majlis pecah tanah Kompleks Kota Warisan Porto Historia di Kota Laksamana, di sini, semalam.

Mohd Ali berkata demikian sebagai mengulas mengenai kejadian banjir kilat yang melanda persimpangan jalan di Pusat Dagangan Antara-bangsa Melaka (MITC), pagi Isnin lalu.

Kejadian itu menyebabkan kesesakan teruk selama beberapa jam di kawasan terbabit sehingga menimbulkan rasa tidak senang orang ramai.

Laporan awal menyatakan masalah itu berpunca daripada tapak projek pembangunan di atas bukit berhampiran



Anggota polis memberi bantuan kepada pengguna jalan raya yang tersangkut dalam kesesakan jalan akibat banjir di Persimpangan Seri Negeri-MITC, Ayer Keroh, Melaka. [FOTO RASUL AZLI SAMAD/BH]

yang didakwa gagal menyelia dengan baik sistem perparitan di situ

Mengulas lanjut, Mohd Ali berkata, beliau memandangkan serius kejadian banjir kilat di persimpangan MITC itu.

“Saya dapati sampah dan kayu terbuang dari tapak projek dihanyutkan air ke kawasan ini apabila hujan lebat sehingga menyebabkan sistem parit tersumbat seterusnya mengakibatkan berlakunya banjir kilat.

Kolam takungan elak banjir

“Oleh kerana itu, saya mahu semua PBT di negeri ini menyelia setiap kawasan pembangunan dan memastikan ia bersih daripada sampah sarap serta kayu terbuang. Kita tidak mahu kejadian di MITC berulang,” katanya.

Mohd Ali berkata, PBT juga perlu memastikan setiap kawasan pembangunan berskala besar dilengkapi kolam takungan air, supaya kejadian banjir atau banjir kilat dapat diminimumkan.